

Headline	Suami buas bawa bala		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	21 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	6	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	355 cm ²
Journalist	NORIAH IDRIS	AdValue	RM 13,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,183



Suami buas bawa bala

Sebar HIV kepada pasangan selepas langgan pelacur

>>Oleh NORIAH IDRIS dan AZLAN HAFEEDZ

metahad@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Mengejutkan apabila kajian terbaru trend kes HIV di negara ini mendapati golongan isteri, terutama suri rumah, sebenarnya lebih lima kali ganda lebih ramai menghidap virus maut itu berbanding pekerja seks berikutan kegiatan liar si suami yang gemar 'makan luar'.

Mendedahkan perkara itu, Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datuk Dr Raj Karim berkata, bilangan wanita yang dijangkiti HIV sangat menyedihkan berikutan ramai tidak tahu suami mereka menyebarkan virus berjangkit itu.

"Isteri perlu mengambil sikap berjaga-jaga dengan memakai kondom ketika bersama suami (jika mengesyaki pasangan curang) sebagai perlindungan, selain mendapatkan rawatan segera jika mendapati ada jangkitan penyakit untuk mengelak risiko kepada anak dikandung.

"Kita tidak menafikan segelintir lelaki di pantai timur, utara tanah air atau yang bersempadan dengan negara jiran seperti Thailand dan Indonesia, melangani pela-

cur kerana kaji selidik mengenai pernah dibuat sepasukan penyelidik bagi mendapatkan gambaran sebenar.

"Selain itu, golongan nelayan menyebarkan penyakit kepada pasangan selepas melakukan hubungan dengan wanita lain di luar perairan negara dan segelintirnya mendapati mengambil dadah jenis suntikan. Hal ini akan menjadi semakin membimbangkan jika tidak dipantau sebaik mungkin," katanya kepada Metro Ahad.

Beliau berkata, majoriti isteri melakukan hubungan kelamin tanpa perlindungan kerana tidak menyangka pasangannya tergamak mengadakan seks rambang dengan wanita lain.

"Trend itu berubah berbanding 25 tahun lalu apabila kes HIV positif didominasi komuniti paling berisiko (MARPS), terutama pengguna dadah suntikan (IDU), pekerja seks dan mak nyah (transgender). Kini kadar jangkitan membabitkan golongan itu hanya melebihi lima peratus.

"Saya harap golongan sua-

mi yang terbabit dengan perbuatan tidak bertanggungjawab itu menghentikannya segera bagi mengelak isteri dan anak menjadi mangsa keadaan. Berhentilah sebelum terlambat," katanya.

Berdasarkan statistik Unit Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan pada 1986 hingga 2010, seramai 91,362 rakyat Malaysia dijangkiti HIV, dengan 3,291 orang daripada mereka suri rumah berbanding 593 pekerja seks.

Selain itu, seramai 725 kakitangan kerajaan turut dijangkiti, diikuti pelajar (312), badan beruniform (698), nelayan (3,399), pekerja industri (6,048), sektor swasta (1,500), pemandu (2,261), penganggur (16,320), buruh (25,375) dan lain-lain pekerjaan (30,507).

Mengikut pecahan kaum, seramai 65,235 daripada keseluruhan pesakit HIV berbangsa Melayu, diikuti Cina (13,283), India (7,190), Bumiputera Sabah (760), Bumiputera Sarawak (2,267), lain-lain (496), bangsa asing (1,596) dan tidak diketahui (535).

Laporan lain pula menyebutkan, sebanyak 94,841 kes HIV dicatat sehingga Disember 2011 membabitkan 14,986 kematian, manakala orang hidup dengan HIV (OHDA) sebanyak 79,855.

Mengenai gender pula, lelaki mendominasi 90 peratus kes HIV dengan majoriti pengguna jarum suntikan (IDU) dan pengguna dadah suntikan (PDS).

Bagaimanapun, nisbah perempuan kepada lelaki berubah daripada 1:9 (1990) kepada 1:10 (2000), 1:4 (2011) dan perubahan itu mengikut masa dan transmisi seksual.

Secara keseluruhan, negara mengalami kadar penurunan dalam kes HIV dilaporkan di kalangan golongan muda 13 hingga 29 tahun, manakala trend peningkatan di kalangan dewasa iaitu 30 hingga 39 tahun.



Headline	Suami buas bawa bala		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	21 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	6	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	355 cm ²
Journalist	NORIAH IDRIS	AdValue	RM 13,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,183



DR RAJ... isteri tidak berdosa jadi mangsa.

